

ISU

Polemik bahasa tidak timbul jika faham perlembagaan

HAMPIR 60 tahun negara kita menyambut kemerdekaan, isu berkaitan bahasa Melayu sesekali tenggelam timbul menjadi polemik masyarakat. Seolah-olah ada sesuatu yang tidak beres dalam menghuraikan perkara itu sejak sekian lama.

Terbaharu, pada 2 Julai lalu, Kementerian Kesihatan mengumumkan kelonggaran syarat lulus bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi lantikan kontrak Pegawai Perubatan Gred UD41.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, daripada 4,500 siswazah yang dilantik sejak Disember 2016, hanya 23 orang terlibat.

Mereka dikatakan mengikuti sistem pendidikan di luar negara selepas mengikuti ibu bapa bekerja dan tidak menduduki SPM.

Presiden Kolej Universiti Cyberjaya, Prof. Datuk Dr. Mohamad Abdul Razak, berkata, polemik itu tidak sepatutnya berlaku kerana kedudukan bahasa Melayu sudah termaktub dalam teks Perlembagaan Persekutuan.

Bekas Pengarah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan bekas Presiden Persatuan Orthopaedik Malaysia itu berkata, tambahan pula ia melibatkan kelompok kecil dan tidak akan menjejaskan perkhidmatan kementerian secara keseluruhan.

"Saya tidak faham mengapa perlu diberi kelonggaran kerana bilangan yang terlibat sangat kecil. Bila kecil mengapa tidak perlu ikut majoriti?"

"Kita pernah menghantar pelajar di Belgium suatu ketika dahulu untuk masuk dalam bidang klinikal. Bayangkan ramai balik sebab gagal dalam kursus bahasa mereka. Walaupun negara itu bersifat terbuka, mereka tegas dalam soal bahasa.

"Situasi serupa apabila kita menghantar kumpulan pelajar ke sebuah institusi perubatan di satu negeri kecil India. Pelajar disyaratkan lulus bahasa tempatan terlebih dahulu. Itu baru belajar belum bekerja," katanya pada program Bicara Persada Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Sektor Awam: Boleh Dikompromi? di UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Beliau turut mempersoalkan mengapa ada ahli politik yang melayan desakan



SHAMSUL AMRI (kiri), Mohamad dan Supyan merupakan panel program Bicara Persada Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Sektor Awam: Boleh Dikompromi? di UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.

JPA longgar syarat lulus BM pegawai perubatan kontrak

SEKUALA KUMPUR - Kementerian Kesihatan mengumumkan kelonggaran syarat lulus bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi lantikan kontrak Pegawai Perubatan Gred UD41.



Kabinet putuskan wajib lulus BM

PUTRAJAYA - Kabinet memutuskan bahawa syarat lulus bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah wajib bagi lantikan pegawai perubatan kontrak.

ANTARA keratan akhbar yang memaparkan isu kelonggaran bahasa Melayu bagi lantikan pegawai perubatan kontrak baru-baru ini.

pihak minoriti menuntut agar melonggarkan syarat lulus bahasa Melayu dalam perkhidmatan kerajaan.

"Masa saya hendak disahkan sebagai pegawai perubatan dulu, saya kena duduki peperiksaan. Masa itu perlu menulis dalam bahasa Melayu. Soal Perlembagaan yang besar juga kena tahu," ujarnya.

Perbezaan
Sementara itu, Pengarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin berkata, perpaduan di Malaysia berhubung diversiti isu bahasa adalah suatu perkara yang belum selesai.
"Dalam hal ini, ada perbezaan dari segi penguasaan bahasa dan penggunaan bahasa. Kenapa nilai bahasa kebangsaan harus jadi isu? Saya sendiri tidak pernah menganggap bahasa Melayu telah menjadi keranda 152."
"Kita dapati tidak semua orang bersetuju dalam setiap perkara. Ada yang tidak setuju soal bahasa tetapi akhirnya bertolak ansur," katanya.
Dalam pada itu, Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Prof. Dr.

SEORANG peserta mengemukakan pendapat dan bertanya soalan berhubung isu bahasa Melayu di kampus UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.

